

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]**  
**TARIKH : 3.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status inisiatif Kajian Semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dilaksanakan sebagai menyokong dasar transformasi semasa negara serta diharap dapat menjelmakan perkara-perkara baharu dalam melonjakkan pengajian tinggi negara. Ia juga sebagai salah satu usaha berterusan Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan agar rakyat dapat menikmati pendidikan yang sempurna selari dengan kehendak masyarakat, industri dan global. Selain dari itu, menerusi kajian ini juga dapat **diketahui impak yang telah diperolehi hasil pelaksanaan PSPTN yang bermula pada tahun 2007 lalu**. Kajian Semula PSPTN ini yang dilaksanakan oleh 15 penyelidik tempatan terdiri daripada institusi pendidikan tinggi awam ( IPTA), institut pendidikan tinggi swasta ( IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti serta disokong oleh 10 Panel Penilai telah mula dilaksanakan mulai Mac 2013.

Pasukan Penyelidik juga telah melaksanakan **Program Tinjauan Aspirasi Masyarakat** pada **Oktober sehingga Disember 2013** yang lalu. Tujuan Program ini adalah untuk mengumpul pandangan, komen, kritikan dan suara hati rakyat berkaitan pengajian tinggi negara yang disediakan oleh Kerajaan dan pihak swasta. Aktiviti ini telah diadakan di semua negeri di Semenanjung, Sabah (Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu) dan Sarawak (Miri, Bintulu dan Kuching). Sebanyak 2,300 orang telah menghadiri semua sesi *townhall* (untuk masyarakat umum) dan sesi kumpulan fokus (untuk warga prihatin, pemegang taruh dan warga bermaklumat).

Dari bulan **Januari sehingga Mac 2014**, Pasukan Penyelidik telah dan akan melaksanakan tugas-tugas berikut:-

- (a) **Pertemuan bersama Parti-Parti Politik** bagi mendapatkan input untuk diambil kira semasa kajian semula ini di laksanakan.
- (b) Pertemuan dengan **Majlis Profesor Negara (MPN) dan Naib Canselor IPTA/IPTS** .
- (c) Bengkel bersama pakar-pakar bidang pengajian tinggi daripada ***International Association of Universities (IAU)***.

Pasukan penyelidik sedang dalam proses akhir untuk menyediakan **Laporan Akhir Perancangan Strategik Pengajian Tinggi Negara**.